

Harus buat saringan

Soal jawab agama

Bersama **DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI**
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia
dan pendakwah bebas.
Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com

A PAKAH hukumnya jika bernikah dengan seseorang yang diketahui berpenyakit?

SECARA asasnya, pernikahan adalah sah walaupun pasangan mempunyai penyakit. Namun sewajarnya dinilai penyakit

yang ada pada pasangan itu. Adakah ia memudaratkan atau sebaliknya. Contohnya penyakit HIV iaitu mudah berjangkit melalui hubungan seks yang tidak dijaga dengan baik.

Perkahwinan sah, namun bagaimana kehidupan dalam alam rumah tangga?

Oleh itu, ada kebaikan



apabila beberapa saringan kesihatan dilakukan untuk mengetahui tahap kesihatan seseorang.

Dengan ini, pasangan dapat membuat keputusan sama ada menerima perkahwinan atau tidak menerimanya.

Sah tapi lebih elok ikut cara normal

JIKA wali nikah masih hidup tetapi pasangan bernikah di Selatan Thailand, adakah pernikahan itu sah?

ANTARA Rukun Nikah ialah wali nikah. Tanpanya,

pernikahan tidak sah menurut majoriti ulama. Oleh itu, pernikahan perlu kepada wali nikah. Pernikahan di Selatan Thailand bahkan di mana sahaja adalah sah apabila cukup syarat Rukun Nikah.

Pernikahan di Selatan Thailand menggunakan kaedah wali hakim iaitu pihak berkuasa agama Islam di negara itu. Maka pernikahan itu adalah sah.

Bagaimanapun, pasangan hendaklah cuba bernikah

mengikut hukum syarak iaitu wali nikah seperti bapa. Juga menurut undang-undang pentadbiran agama Islam.

Jika tidak dapat diselesaikan maka ada jalan keluar iaitu pernikahan di Selatan Thailand.

Hormati agama lain

A PAKAH wajar kita menghalang rakan-rakan beragama Hindu menyambut perayaan agama mereka yang membakar mercun dan bunga api. Alasannya kerana mengganggu masyarakat Islam.

Saya tidak pasti tentang acara dan kaedah sambutan perayaan agama Hindu. Bagaimanapun, kebebasan beragama adalah dijamin dalam Islam dan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, tidak sewajarnya dihalang kerana ia bakal menimbulkan suasana tidak harmoni dalam masyarakat.

Apa yang lebih penting ialah sikap toleransi antara setiap penganut agama.

Umat Islam tidak marah kerana sedikit bunyi yang mungkin mengganggu kehidupan. Begitu juga masyarakat beragama Hindu tidak marah apabila umat Islam melakukan ibadat korban dengan menyembelih lembu.

Ini penting bagi mewujudkan keharmonian hidup masyarakat dan negara.